

Newspaper	Berita Harian
Date	25 October 2015

'Langkah bijak PM wujud kategori M40'

BH - 25/10/2015

» Kumpulan berpendapatan sederhana sebelum ini merungut tak dapat manfaat

► Kuala Lumpur

Mewujudkan kategori M40 adalah langkah bijak oleh Perdana Menteri yang bersedia menerima maklum balas orang ramai dalam menangani peningkatan kos sara hidup bagi kumpulan kelas pertengahan.

Pengarah Eksekutif PricewaterhouseCoopers Capital Sdn Bhd,

Patrick Tay Soo Eng, berkata: "Saya berpendapat ini adalah langkah bijak oleh Perdana Menteri memandangkan beliau sedia menerima maklum balas daripada luar dan menyedari kelas pertengahan juga perlu dibantu," katanya kepada BERNAMA.

Semasa membentangkan Bajet 2016, Datuk Seri Najib Razak berkata definisi M40 akan diperincikan dari semasa ke masa.

Kelompok sering tertinggal

Sementara itu, Presiden Persatuan Firma Akauntan Malaysia (MAFA), Salihin Abang, berkata ini pertama kali kelompok M40 diberikan perhatian besar oleh kerajaan dalam bajet kerana kelompok itu sering tertinggal.

"Kumpulan M40 adalah mereka yang berpendapatan sederhana atau pertengahan yang sebelum

ini sering merungut tidak mendapat manfaat daripada bajet kerajaan.

"Sebelum ini, kerajaan banyak memberikan tumpuan kepada kelompok B40," katanya diminta mengulas mengenai kelompok M40 yang pertama kali diberi tafsiran oleh kerajaan.

Tafsiran awam M40 adalah kelompok isi rumah yang berpendapatan antara RM3,860 hingga RM8,320.

Salihin yang juga Rakan Pengerus Salihin Consulting Group Sdn Bhd, berkata M40 diberi tumpuan kerana kerajaan cuba membantu semua kelompok masyarakat dalam bajet kali ini.

Katanya, M40 mewakili 40 peratus rakyat dengan pendapatan yang sederhana dan kebanyakannya adalah golongan pekerja yang tinggal di bandar.

"Separuh daripada kelompok M40 ini dalam kalangan mereka yang hampir atau menghampiri kelompok miskin bandar, masih belum memiliki kediaman, golongan yang baru mula bekerja dan berkeluarga.

Bantu ringan kos sara hidup

"Saya percaya ini langkah tepat untuk membantu meringankan kos sara hidup mereka. Langkah ini membuktikan kerajaan cuba memberikan bantuan sebaik mungkin ikut kemampuannya kepada golongan M40 ini," katanya.

Dalam bajet kali ini, pelepasan cukai bagi setiap anak yang berumur di bawah 18 digandakan daripada RM1,000 kepada RM2,000.

Pelepasan cukai pembayar individu yang pasangannya tidak mempunyai pendapatan juga dinaikkan daripada RM3,000 kepada RM4,000.

Dalam masa yang sama, individu yang menyara ibu dan bapa walaupun tidak tinggal bersama turut diberikan pelepasan cukai. Pelepasan RM1,500 untuk ibu dan RM1,500 untuk bapa diberikan untuk mereka yang ibu bapanya berumur 60 tahun ke atas dan berpendapatan kurang RM2,000 sebulan.